

**PERANCANGAN TUJUAN DAN OBJEKTIF
PENGAJARAN BAHASA ARAB**

HAMIZUL BIN MAHMUD (P38943)

SARJANA PENDIDIKAN BAHASA ARAB

PENSYARAH : DR.NIK MOHD. RAHIMI NIK YUSOF

KURSUS : GC6583

PERANCANGAN KURIKULUM DALAM PENDIDIKAN BAHASA ARAB

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

2007

PERANCANGAN TUJUAN DAN OBJEKTIF PENGAJARAN BAHASA ARAB

Pendahuluan

Dalam suatu kurikulum yang dibina terdapat empat komponen penting yang perlu dilihat iaitu objektif, kandungan, kaedah dan penilaian. Elemen yang pertama di dalam kurikulum ialah tentang tujuan dan objektif kurikulum itu sendiri. Perancangan tujuan dan objektif kurikulum memerlukan kepada perancangan yang teliti dan rapi.

Dalam konteks pengajaran Bahasa Arab, tujuan dan objektif yang dikehendaki perlulah dirancang dengan rapi agar ia bertepatan dengan matlamat pengajaran bahasa itu sendiri. Tulisan ini akan menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan tujuan dan objektif pengajaran bahasa arab khususnya dalam konteks pengajaran bahasa arab di Malaysia, khususnya akan cuba menggarap perkara-perkara berikut :

1. Mengenal pasti tiga domain utama pembelajaran
2. Menyinarai dan menghuraikan kategori yang terkandung dalam setiap tiga domain berkenaan.
3. Menjelaskan kaitan antara objektif kurikulum dengan objektif pengajaran beserta contoh dengan menggunakan mata pelajaran bahasa arab.
4. Mengenal pasti pernyataan tujuan kurikulum mengikut tiga domain berkenaan dan memberi contoh dengan menggunakan mata pelajaran bahasa arab
5. Mengenal pasti pernyataan objektif kurikulum mengikut tiga domain berkenaan dan memberi contoh dengan menggunakan mata pelajaran bahasa arab.
6. Mengenal pasti pernyataan tujuan pengajaran mengikut tiga domain berkenaan dan memberi contoh dengan menggunakan mata pelajaran bahasa arab.

Mengenal pasti tiga domain utama pembelajaran

Taksonomi Bloom adalah satu model yang biasa digunakan untuk menganalisa bidang-bidang pendidikan. Ia berkaitan dengan objektif-objektif pendidikan yang melibatkan bidang-bidang seperti pengetahuan, kesikapan dan psikomotor. Taksonomi ini menyatakan bahawa kita boleh mengajar bukan sahaja perkara-perkara yang berkaitan dengan menghafaz dan mengingat sahaja tetapi juga boleh mengajar objektif-objektif yang lebih kompleks daripada itu. Dalam taksonomi tersebut, ada tiga bidang besar yang menjadi tujuan pendidikan sebenar iaitu bidang kognitif, bidang afektif dan bidang psikomotor.

Bidang kognitif ada kaitannya dengan aktiviti mental, bidang psikomotor bersangkut-paut dengan aktiviti fizikal dan bidang afektif adalah menitikberatkan kesikapan, emosi dan perasaan.

Jika ditinjau ketiga-tiga bidang ini, ia terkandung dalam sukatan-sukatan pelajaran yang digunakan di sekolah-sekolah Di maktab-maktab perguruan pula, penglibatan kepada ketiga-tiga bidang ini memang wajar, kerana objektif kursus latihan perguruan adalah juga tidak terkecuali daripada menitikberatkan bidang-bidang pengetahuan, kemahiran-kemahiran mengajar (psikomotor) dan proses pembentukan peribadi guru yang baik (afektif).

Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, pemeringkatan kemahiran-kemahiran telah didasarkan kepada model taksonomi ini. Ia bertujuan supaya guru-guru dapat mengelolakan pengajaran bahasa dengan baik dan disamping itu pula dapat memilih bahan-bahan pengajaran yang secocok dengan umur, minat dan kebolehan murid-murid mereka. Guru-guru akan lebih mudah mengkaji bahan-bahan rujukan, mengumpul dan mengkaji pelbagai jenis soalan serta membina pelbagai jenis soalan itu berdasarkan sesuatu bahan tertentu.

Prinsip-prinsip organisasi Taksonomi Bloom berdasarkan perkara-perkara berikut :

- a. Ia seharusnya berdasarkan sistem klasifikasi pendidikan logik dan psikologikal

- b. Ia harus memberi kepentingan kepada pertimbangan-pertimbangan pendidikan
- c. Ia harus merupakan satu klasifikasi yang logik dan tiap-tiap istilah hendaklah didefinisikan setepat yang mungkin dan digunakan secara tekal.
- d. Ia seharusnya sesuai dengan prinsip-prinsip dan teori-teori psikologi yang berkaitan dan telah diterima.

Ketiga -tiga bidang ini merupakan domain utama dalam konteks pembelajaran dan pengajaran. Melalui domain-domain inilah berlakunya pemeringkatan kemahiran dalam pengajaran yang seiring dan selari dengan tujuan dan objektif kurikulum.

Berdasarkan domain kognitif, ia merupakan satu rangka tugas untuk menentukan peringkat atau taraf perlakuan akhir yang hendak dicapai. Domain ini adalah bidang mengenai pengetahuan seperti mengenal fakta-fakta, perangkaan, teori-teori dan kefahaman. Domain ini sangat-sangat dititikberatkan di sekolah-sekolah dan hampir semua pengajaran guru berpusat di bidang ini. Berkaitan dengan domain ini, ia didefinisikan oleh Benjamin S. Bloom sebagai :

“Deal with the recall of recognition of knowledge and the development of intellectual abilities and skills”

Pembelajaran berdasarkan domain kognitif ini melibatkan proses mental yang bermula dari proses mengingat sehinggalah kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah. Domain ini dibahagikan kepada enam peringkat kemahiran iaitu pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisa, sintesis dan penilaian

Domain yang kedua ialah domain afektif . David R. Krathwohl, Benjamin S. Bloom dan Bertram B. Masia mendefinisikan domain afektif sebagai :

“including objectives that “emphasize a feeling tone, an emotion, or a degree of acceptance or rejection.”

Domain ini meliputi objektif yang menekankan tentang nada perasaan, emosi atau satu tahap untuk menerima atau menolak. Ia berhubung dengan perasaan, emosi dan sikap.

Perasaan murid-murid yang suka atau benci sesuatu mata-mata pelajaran itu adalah penting dalam pengajaran guru. Begitu juga halnya dengan minat dan penghargaan; kedua-duanya tidak boleh diketepikan dalam sesuatu pengajaran formal itu.

Sikap biasanya ditakrifkan sebagai satu kemahuan sama ada mahu mendekati atau menjauhi sesuatu persekitaran.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran ia lebih tepat ditakrifkan sebagai menyukai, merasa seronok atau membenci sesuatu mata pelajaran. Penghargaan pula bermaksud sebagai satu ukuran terhadap kepuasan berinteraksi atau menghayati sesuatu persekitaran. Kesemua ini (perasaan, emosi, minat, penghargaan dan sikap) harus dipertimbangkan di dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran itu. Guru-guru harus berkebolehan menggunakan unsur-unsur ini bagi mewujudkan satu suasana pembelajaran yang baik. Murid-murid harus dapat membentuk satu sikap yang positif terhadap pelajaran mereka dan dapat pula menghargai ilmu pengetahuan yang diberi. Dengan adanya sifat-sifat ini pembelajaran di kalangan mereka akan menjadi lebih mudah dan lebih berkesan.

Domain afektif ini mengandungi beberapa aras bermula daripada peringkat yang rendah kepada peringkat yang tinggi. Ia bermula dengan peringkat penerimaan yang merupakan aras rendah, diikuti oleh gerak balas, menilai, organisasi dan akhirnya perwatakan yang merupakan aras tinggi.

Domain yang ketiga ialah domain psikomotor. Ia didefinisikan oleh Robert J. Armstrong, Terry D. Cornell, Robert E. Kraner dan E. Wayne Roberson sebagai :

“ including behaviors that place primary emphasis on neuromuscular or physical skills and involve different degrees of physical dexterity.”

Sometimes referred to as “perceptual-motor skills” psychomotor learnings include bodily movements and muscular coordination.

Domain ini adalah lebih kepada kemahiran atau kebolehan membuat sesuatu seperti kebolehan menjahit, menaip, berenang, menunggang basikal atau sebagainya. Dalam pengajaran bahasa ia melibatkan kebolehan pelajar-pelajar iaitu kebolehan otak yang

menerima dan memproses bahasa yang dipelajari dan seterusnya berkaitan dengan alat-alat artikulasi yang melahirkan perkataan-perkataan itu.

Domain ini adalah penting dari segi pengajaran guru dan pembelajaran murid di sekolah. Oleh itu kebolehan psikomotor atau kemahiran seperti pengajaran pelajaran teknikal, pertukangan, pertanian dan lain-lain mestilah diutamakan terutama sekali bagi murid-murid yang kurang cenderung dalam bidang akademik.


Domain ini mempunyai lima peneringkatan iaitu persepsi, set, gerakan terbimbing, mekanisme dan gerak balas nyata yang kompleks.

Hubungan di antara Domain Kognitif, Afektif dan Psikomotor

Ketiga-tiga domain pengajaran ini nampaknya seolah-olah begitu tersendiri sifatnya. Kesemuanya dapat digunakan untuk menganalisis dan merancang pengajian khususnya penyediaan objektif-objektif tingkahlaku dan ringkasan mengajar.

Dalam keadaan pengajaran-pembelajaran semulajadi, pembahagian bidang pengetahuan atau objektif seperti ini selalunya tidak wujud. Sebagai contoh kebolehan menunggang kuda. Secara kasar kebolehan ini adalah bidang psikomotor. Walaupun begitu, seseorang itu tidak boleh menunggang kuda sekiranya dia tidak berminat langsung menunggangnya. Minat ialah bidang afektif. Kiranya dia berminat, sedikit sebanyak dia perlu juga mengetahui tentang kuda yang hendak ditungganginya itu. Misalnya ialah pelana, tempat pijak, tali pemegang dan sebagainya. Ini ialah bidang kognitif.

Dalam keadaan pengajaran dan pembelajaran semulajadi, ketiga-tiga bidang kognitif, afektif dan psikomotor adalah saling tindih-menindih dan digambarkan seperti berikut:




Menyenarai dan menghuraikan kategori yang terkandung dalam setiap tiga domain berkenaan.

Menurut Kamarudin Hj. Husin (1998), berikut ialah senarai dan huraian terhadap kategori-kategori yang terkandung dalam setiap tiga domain yang berkenaan :

1. Domain Kognitif

Bidang Kognitif ini dibahagikan kepada 6 peringkat kemahiran dan biasanya aras kemahiran-kemahiran tersebut dibentangkan dalam bentuk piramid yang melambangkan bahawa kemahiran-kemahiran di atas meliputi kesemua kemahiran yang terdapat di bawahnya. Aras-aras kemahiran ini digambarkan seperti berikut:



Gambarajah 1 : Aras-aras kemahiran

Penentuan aras-aras kemahiran untuk diuji bergantung kepada mata-mata pelajaran, tajuk-tajuknya dan peringkat pelajar-pelajar. Pada amnya, boleh dikatakan bahawa aras kemahiran pengetahuan dan kefahaman adalah lebih ditekankan pada peringkat sekolah rendah, manakala di sekolah-sekolah menengah penggunaan dan penganalisaan memainkan peranan yang lebih besar. Pada peringkat maktab perguruan, selain daripada aplikasi dan analisis, aras sintesis dan penilaian adalah ditekankan juga. Pada prinsipnya, untuk mencapai dan menguasai kemahiran pada peringkat yang lebih tinggi, kemahiran asas atau kemahiran sebelumnya perlulah dibina dahulu.

Pengetahuan

Peringkat pengetahuan adalah peringkat yang rendah sekali. Ia meliputi penguatan semula perkara-perkara khusus dan umum, mengingati semula kaedah-kaedah dan proses atau mengingati semula pola-pola, struktur atau keadaan yang telah dipelajari dan dialami. Peringkat ini memerlukan pelajar-pelajar mengingati balik perkara-perkara yang telah dipelajari.

Berikut diperlihatkan jenis-jenis pengetahuan yang terangkum dalam aras kemahiran tersebut:

- a. Pengetahuan khusus: Pengetahuan ini berkait dengan simbol-simbol khusus (perkataan dan bukan perkataan).
- b. Pengetahuan tentang fakta khusus: Pengetahuan ini melibatkan pengetahuan tentang tarikh, kejadian, watak, tempat, peristiwa, akibat dan sebagainya.
- c. Pengetahuan tentang konvensyen. Pengetahuan ini berkaitan dengan cara-cara lazim mengendalikan dan mengemukakan idea dan fenomena.
- d. Perkembangan tentang arah perkembangan dan urutan perkembangan: Pengetahuan ini bersangkutan-paut dengan proses, arah dan perkembangan fenomena dari segi masa.
- e. Pengetahuan tentang pengkelasan dan pembahagian: Pengetahuan berkenaan ada kaitannya dengan kelas, set, pembahagian dan penyusunan yang dianggap penting di dalam sesuatu bidang kajian, tujuan, hujah atau masalah.

- f. Pengetahuan tentang kriteria: Pengetahuan ini berkaitan dengan cara bagaimana fakta, prinsip dan perlakuan diuji atau dinilai.
- g. Pengetahuan tentang kaedah: Pengetahuan berkenaan berkait dengan kaedah penyelidikan, teknik dan aturcara yang digunakan dalam sesuatu bidang kajian dan juga digunakan dalam merisik sesuatu masalah dan fenomena.

Kefahaman

Kefahaman telah diberi pengertian sebagai kebolehan memberi penghuraian atau makna kepada sesuatu perkara. Kebolehan ini mungkin merupakan kemampuan menukar bentuk sesuatu bahan pembelajaran daripada satu bentuk bertulis kepada bentuk angka, memberi ringkasan atau memberi anggaran untuk masa akan datang mengenai sesuatu perkara. Ia juga meliputi pengetahuan tentang apa yang dihubungkan dan dapat digunakan bahan atau idea yang dihubungkan itu tanpa mengaitkannya kepada bahan-bahan lain atau melihat implikasi sepenuhnya.

Peringkat kefahaman adalah satu tahap yang tinggi sedikit daripada tahap mengetahui (pengetahuan) tentang sesuatu. Tahap ini adalah peringkat yang paling rendah bagi kefahaman jika dibandingkan dengan jenis pemahaman pada peringkat-peringkat yang lebih tinggi

Peringkat kefahaman terbahagi kepada tiga:

- a. Peringkat penterjemahan – kefahaman sedemikian bermaksud kefahaman daripada ketelitian dan ketepatan sesuatu perhubungan itu dirumuskan atau diubah perantaraan perhubungan itu ke dalam perantaraan yang lain.
- b. Peringkat pentafsiran – Ia berfungsi menerangkan atau meringkaskan sesuatu perhubungan.
- c. Peringkat Ekstrapolasi
- d. Kefahaman ini melanjutkan aliran perkembangan atau kecenderungan lebih daripada data yang diberi untuk menentukan implikasinya, akibatnya, kesannya dan sebagainya bersesuaian dengan keadaan yang diuraikan di dalam perhubungan asal itu.

Aplikasi

Aplikasi bermaksud kebolehan menggunakan perkara-perkara yang telah dipelajari dalam keadaan yang baru dan berlainan. Penggunaan idea-idea ini mungkin di dalam situasi tertentu atau situasi sebenar. Kebolehan ini merupakan kemampuan menggunakan petua-petua, kaedah-kaedah, konsep-konsep, prinsip-prinsip, aturan-aturan dan teori-teori dalam situasi baru dan yang berlainan daripada yang telah dipelajari. Peringkat ini memerlukan kefahaman yang lebih tinggi dan mendalam.

Analisa

Analisa adalah kebolehan memecah-mecahkan perkara-perkara yang telah dipelajari itu kepada bahagian-bahagiannya yang tertentu supaya susunan dan perkaitan bahagian-bahagian tadi senang difahami. Dalam lain perkataan, analisa mencerakin sesuatu perhubungan kepada elemen-elemennya atau bahagian-bahagiannya sehingga susunan idea-idea di dalamnya menjadi jelas dan nyata. Kebolehan yang diperlukan di sini termasuklah kebolehan memecah-mecahkan, menganalisa kaitan di antara pecahan-pecahan dan mengesan susunan prinsip-prinsip pecahan-pecahan yang terlibat. Peringkat analisa ini adalah lebih tinggi daripada peringkat aplikasi dan kefahaman kerana kebolehan menganalisa memerlukan kefahaman isi, aplikasi dan juga penyusunan pecahan-pecahan kepada satu struktur supaya mudah difahami.

Ada tiga jenis analisa yang biasa digunakan di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa:

- a. Analisa elemen – Analisa ini adalah mengenai elemen-elemen yang dimasukkan di dalam sesuatu hubungan.
- b. Analisa berkaitan – Ini melibatkan perkaitan dan interaksi di antara elemen-elemen dengan bahagian-bahagian perhubungan itu.
- c. Analisa organisasi, prinsip – Analisa cara ini menekankan organisasi, susunan bersistem dan struktur yang menyatukan perhubungan itu. Ini meliputi asas, susunan yang perlu dan ciri-ciri yang mewujudkan perhubungan itu sebagai satu unit.

Sintesis

Sintesis adalah kebolehan menggabungkan pecahan-pecahan kecil kepada satu bahagian yang lebih besar dan yang baru. Ini bermakna ia menyatukan elemen-elemen

atau bahagian-bahagian itu hingga menjadi satu bentuk yang lengkap. Kebolehan ini diperlihatkan dalam karya-karya baru, rancangan-rancangan penyelidikan dan skim mengatur maklumat. Kebolehan pada peringkat sintesis ini memerlukan tingkah laku yang kreatif untuk membentuk satu corak atau struktur yang terbaharu daripada unsur-unsur yang lama.

Tiga jenis sintesis yang harus diketahui adalah seperti berikut:

a. Penghasilan suatu perhubungan yang unggul

Ini dimaksudkan menghasilkan satu perhubungan di mana seseorang itu cuba menyampaikan idea, perasaan atau pengalamannya kepada seseorang lain.

b. Penghasilan satu pelan atau mencadangkan satu set tindakan

Sintesis ini bermaksud menghasilkan satu pelan kerja atau mencadangkan satu pelan tindakan.

c. Penghasilan satu set hubungan mujarad

Ini bermaksud menghasilkan satu set hubungan mujarad sama ada untuk mengkelas atau menerangkan sesuatu data atau fenomena atau menghasilkan satu set cadangan daripada cadangan asas atau daripada simbol-simbol.

Penilaian

Penilaian adalah berkenaan dengan kebolehan menghasilkan atau menimbangkan nilai sesuatu bahan sama ada ia berupa kenyataan, pendapat, novel, puisi atau laporan penyelidikan untuk sesuatu tujuan tertentu. Pertimbangan yang dilakukan adalah didasarkan kepada kriteria-kriteria tertentu seperti organisasi, kegunaan dan kebaikan. Kebolehan menilai adalah peringkat pembelajaran yang tertinggi dalam bidang kognitif kerana pemikiran menilai hanya boleh berlaku sekiranya kebolehan-kebolehan di peringkat bawah yang lain telah sedia diperolehi. Di samping itu, kebolehan memberi pendapat atau pertimbangan berdasarkan kriteria-kriteria tertentu harus juga sedia ada supaya murid-murid dapat membuat penilaian.

Dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah, guru-guru harus menekankan pengajaran dan pembelajaran pada peringkat-peringkat yang lebih tinggi daripada peringkat pengetahuan. Dengan cara ini murid-murid harus diberi latihan tugas dan ujian yang mencerminkan bukan sahaja kebolehan kefahaman tetapi juga aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Kebolehan-kebolehan pada peringkat-peringkat

kognitif yang lebih tinggi adalah lebih kekal, lebih bermakna dan lebih memberi manfaat. Ringkasan mengajar guru hendaklah menitikberatkan kebolehan-kebolehan yang lebih tinggi dan dengan itu objektif-objektif tingkah lakudalam ringkasan mengajar haruslah jangan dihadkan kepada hal-hal seperti perkara-perkara yang hanya memerlukan kemahiran ingatan kembali. Sebaik-baiknya objektif tingkahlaku dalam ringkasan mengajar itu hendaklah mengutamakan peringkat aplikasi yang membolehkan murid-murid menggunakan perkara yang telah dipelajarinya itu untuk mengatasi masalah atau untuk membentuk pengalaman-pengalaman baru.

2. Domain Afektif

Penerimaan

Aras ini ada hubungannya dengan kemahuan pelajar-pelajar memberi perhatian. Ia mencakupi tindakan-tindakan pelajar yang mencerminkan satu kesedaran atau perhatian terhadap rangsangan dan peristiwa atau persekitaran yang berhubung dengan bidang afektif ini. Dalam aktiviti pengajaran, ia menekankan kepada kebolehan mendengar dengan penuh minat cerita-cerita atau pendapat, menanyakan soalan-soalan, mengenal bahagian-bahagian ayat dan menjawab dengan lengkap.

Ada 3 perkara yang perlu diberi perhatian berhubung dengan aras ini:

a. Kesedaran

Pelajar-pelajar dikatakan sedar dengan objek atau peristiwa-peristiwa jika perkara-perkara itu berlaku pada masa kehadiran mereka. Mereka tidak mencari-cari rangsangan dan tidak mungkin boleh menerangkan apa yang mereka alami jika perkara-perkara itu berlaku di luar pengalaman mereka

b. Kesudian untuk menerima

Sesuatu pengajaran itu harus disampaikan di dalam satu suasana atau keadaan yang bermakna dan menarik. Jika guru-guru dapat mewujudkan suasana begini, pelajar-pelajar tidak akan mencuba mengelakkan diri daripada sebahagian atau kesemua rangsangan yang ada dalam keadaan itu.

c. Perhatian yang terkawal atau terpilih

Pelajar-pelajar membezakan keseluruhan keadaan itu kepada dua atau kepada bahagian-bahagian komponen dan kemudian memilih satu aspek tertentu dan terus memberikan perhatian kepadanya. Dalam menghadapi aktiviti pembelajaran misalnya,

pelajar-pelajar boleh mendiskriminasikan sesuatu pelakuan itu daripada pelakuan-pelakuan lain yang ada.

Gerak Balas

Gerak balas bermaksud melibatkan diri secara aktif terhadap sesuatu dan mendapat kepuasan daripadanya. Pada aras ini pelajar bersedia dan rela untuk membuat reaksi yang mudah terhadap sesuatu objek atau situasi.

a. Persetujuan untuk bertindak balas

Ini melibatkan tindak balas yang pasif terhadap rangsangan. Tunduk kepada peraturan-peraturan, misalnya pelajar-pelajar mematuhi peraturan-peraturan keselamatan.

b. Kesudian untuk bertindak balas

Pelajar bertindak balas secara sukarela. Sebelum seseorang pelajar itu menjalankan sesuatu tugas misalnya, beliau terlebih dahulu secara sukarela melengkapkan dirinya dengan pelbagai pengetahuan yang ada kaitan dengan tugas-tugas itu. Ini dilakukan tanpa paksaan.

c. Kepuasan dalam bertindak balas

Kategori ini adalah diasaskan kepada kesudian untuk bertindak balas dan menambah lagi kapasiti kepuasan kesudian bertindak balas itu. Pelajar dapat merasakan kepuasan daripada tindakan yang dilakukan.

Menilai

Pada peringkat ini perlakuan adalah didasarkan atas konsep dan prinsip yang telah dinurankan sehingga menjadi kepercayaan. Perlakuan cenderung menjadi konsisten walaupun dalam keadaan yang berbeza jika kepercayaan itu boleh dipraktikkan.

a. Penerimaan sesuatu nilai

Ini adalah peringkat permulaan menilai. Murid bertindak balas berdasarkan nilai, tetapi dia masih boleh menilai semula kepercayaannya itu. Sebagai contoh, murid itu secara konsisten berjuang untuk bekerja bersama-sama rakan sekelasnya dalam situasi yang membolehkan mereka berinteraksi dan bekerjasama.

b. Kecenderungan terhadap sesuatu nilai

Individu bukan sahaja menerima nilai-nilai itu tetapi juga dia tidak keberatan untuk mencari dan mendapatkan nilai tersebut. Contohnya murid-murid secara cergas

berusaha menjalin persahabatan dengan rakan-rakan sekelas dan membina satu perhubungan baik sesama mereka.

c. Penglibatan

Pada peringkat ini, individu itu telah mempunyai keyakinan atau kepercayaan yang kukuh terhadap sesuatu nilai itu. Di sini kelihatan adanya satu dorongan yang nyata untuk melaksanakan dan mengamalkan perlakuan yang berhubung dengan nilai tersebut.

Organisasi

Organisasi membawa maksud membentuk sesuatu sistem nilai. Selepas lebih daripada satu nilai dinurankan, keadaan-keadaan timbul yang membolehkan beberapa nilai digunakan. Untuk bertindak terhadap keadaan-keadaan ini, pelajar itu terpaksa membina beberapa hubungan dan keutamaan di antara nilai-nilainya. Kategori ini menerangkan peringkat permulaan dalam membentuk satu sistem nilai.

a. Penanggapan sesuatu nilai

Pelajar mengenali ciri-ciri asas nilai itu. Nilai itu ditanggapi

b. Organisasi sesuatu sistem nilai

Pada aras ini, beberapa nilai dipertimbangkan secara serentak dan dibina dalam satu hubungan yang teratur. Susunan itu boleh diatur secara konsisten dan logik atau sebaliknya. Contohnya seorang pelajar terpaksa merancang aktiviti-aktiviti kelasnya berdasarkan kepada penilaiannya terhadap pertandingan, kerjasama, gred atau sebagainya.

Perwatakan/Pemeranan sesuatu nilai yang kompleks

Apabila seseorang itu telah tiba pada peringkat ini, dia akan bertindak secara konsisten sesuai dengan nilai-nilai yang telah dinurankan. Nilai-nilai itu akan bertindak sebagai penyamarataan bagi mengawal sebahagian daripada perlakuan individu itu. Nilai itu akan berintegrasi dalam bentuk satu falsafah yang lengkap.

a. Set penyamarataan

Kualiti atau keupayaan untuk bertindak dalam bentuk yang logik dan konsisten terhadap situasi yang membolehkan beberapa nilai dan sikap terlibat.

b. Perwatakan/pemeranan

Kategori ini meliputi semua kategori yang telah dikemukakan sebelumnya. Pada peringkat ini individu bertindak berdasarkan falsafah kehidupan atau world view.

3. Domain Psikomotor

Persepsi

Ini adalah langkah pertama dalam melakukan satu tindakan motor. Ia adalah proses menjadikan seseorang individu itu mengetahui atau sedar tentang objek, kualiti dan hubungan-hubungan melalui alat-alat deria.

a. Stimulasi deria

Ia ada berkaitan dengan rangsangan di atas. Ia melibatkan satu atau lebih alat-alat deria seperti pendengaran, penglihatan, sentuhan, rasa dan kinestetik.

b. Pemilihan tanda saran

Memutuskan apakah tanda saran yang harus dipilih untuk memenuhi keperluan-keperluan pelaksanaan tugas. Ini melibatkan pengecaman tanda saran dan menghubungkannya dengan tugas-tugas yang akan dilaksanakan. Ia mungkin melibatkan pengumpulan tanda saran yang berdasarkan kepada pengetahuan dan pengalaman lalu. Tanda saran yang sesuai dan berkaitan dengan keadaan itu akan dipilih sebagai panduan kepada tindakandan yang tidak berkaitan akan diketepikan.

c. Terjemahan

Ini bermaksud menghubungkan persepsi kepada tindakan dalam melaksanakan satu tindakan motor. Ia merupakan proses mental bagi menentukan makna tanda saran yang diterima untuk tindakan. Ia melibatkan terjemahan yang simbolik, iaitu mempunyai satu bayangan atau satu idea, sebagai kesimpulan daripada tanda saran yang diterima. Ia juga mungkin melibatkan wawasan yang dianggap penting dalam mengatasi sesuatu masalah. Terjemahan deria adalah satu aspek bagi aras ini. Ia melibatkan maklum balas iaitu pengetahuan daripada kesan proses; terjemahan sebagai satu bahagian tindakan motor yang berterusan.

Set

Set adalah satu kesediaan untuk sesuatu jenis aksi atau pengalaman.

a. Set Mental

Kesediaan untuk melaksanakan satu tindakan motor yang tertentu. Ini melibatkan aras persepsi dan kategori-kategorinya yang lain. Diskriminasi, iaitu menggunakan pertimbangan dalam membuat perbezaan adalah satu aspek.

b. Set Fizikal.

Kesediaan menjadikan penyesuaian anatomis (berhubung dengan tubuh) penting untuk tindakan motor dilaksanakan. Kesediaan dalam pengertian fizikal, melibatkan set penerima, iaitu penyertaan deria.

c. Set emosional

Kesediaan dipandang dari segi sikap, sesuai untuk tindakan motor berlaku. Kerelaan untuk bertindak balas seperti yang telah dinyatakan.

Gerakan terbimbing

Ini adalah satu langkah permulaan dalam membentuk kemahiran. Di sini ditekankan kepada keupayaan yang merupakan komponen kemahiran yang lebih kompleks sifatnya. Tindak balas terbimbing adalah tindakan perlakuan seseorang individu yang nyata di bawah bimbingan seorang tenaga pengajar. Prasyarat untuk pelaksanaan tindakan itu adalah kesediaan untuk bertindak balas, dipandang dari segi set bagi menghasilkan tindakan perlakuan yang jelas dan pemilihan terhadap tindak balas yang tepat dan sesuai. Pemilihan tindak balas mestilah dilakukan supaya dapat memenuhi keperluan-keperluan pelaksanaan tugas. Ada 2 kategori lain yang berhubung dengan perkara ini:

a. Meniru

Meniru adalah pelaksanaan satu tindakan yang merupakan satu tindak balas secara terus terhadap persepsi seorang yang lain yang melakukan tindakan itu.

b. Cuba dan ralat

Mencuba pelbagai tindak balas, biasanya dilakukan dengan beberapa tujuan untuk setiap tindak balas, sehingga satu tindak balas yang tepat seperti yang dikehendaki tercapai. Tindak balas yang setepat itu adalah sesuatu yang dapat memenuhi keperluan-keperluan pelaksanaan tugas. Aras ini boleh diterangkan sebagai pembelajaran tindak balas berlipat ganda yang membolehkan satu tindak balas yang

tepat dipilih daripada pelbagai perlakuan, mungkin melalui pengaruh hadiah atau hukuman.

Mekanisme

Tindak balas yang telah dipelajari menjadi habitat. Pada peringkat ini, pelajar telah mencapai satu keyakinan dan satu kadar kemahiran dalam melakukan sesuatu tindakan. Tindakbalas itu mungkin lebih kompleks daripada yang pada peringkat permulaan. Ia melibatkan beberapa bentuk tindak balas dalam melaksanakan tugas itu. Kebolehan-kebolehan digabungkan untuk mendapatkan kemahiran itu.

Gerak balas nyata yang kompleks

Pada peringkat ini, seorang individu itu boleh melakukan satu tindakan motor yang dianggap kompleks. Ini adalah kerana bentuk pergerakannya yang rumit. Pada peringkat ini, satu kadar kemahiran yang tinggi telah pun dicapai. Tindakan itu boleh dijalankan dengan licin dan berkesan. Ia menggunakan kuasa dan tenaga yang minimum Ada 2 kategori lain yang berkaitan dengan perkara ini:

a. Resolusi kendakpastian


Tindakan itu dilakukan tanpa ragu-ragu untuk mendapatkan satu gambaran rangkaian tugas. Seseorang itu tahu rangkaian itu diperlukan dan kemudian maju dengan keyakinan. Tindakan itu ditegaskan sebagai kompleks sifatnya.

b. Perlakuan automatik

Pada aras ini seseorang itu boleh melakukan satu kordinasi kemahiran motor dengan kawalan otot dan mengerjakannya dengan mudah sekali.

Menjelaskan kaitan antara objektif kurikulum dengan objektif pengajaran beserta contoh berdasarkan mata pelajaran bahasa arab.

Berkaitan dengan kaitan antara objektif kurikulum dengan objektif pengajaran, perlulah dilihat kembali kepada hirarki hasil atau matlamat pendidikan. Hirarki yang dinyatakan oleh Peter F. Oliva (2005) adalah seperti gambarajah di bawah:



Gambarajah 2 : Hirarki Hasil Pembelajaran

Melihat kepada gambarajah di atas ia menggambarkan bahawa objektif pengajaran sebenarnya terbina daripada objektif kurikulum. Dalam hal ini, Peter F. Oliva (2005) menjelaskan tentang takrif objektif kurikulum sebagai :

“A curriculum objective is a purpose or end stated in specific, measurable terms. Curriculum planners wish students to accomplish it as a result of exposure to segments or all of a program of the particular school or school system.”

Kenyataan ini membawa maksud bahawa objektif kurikulum adalah pernyataan atau tujuan akhir yang terperinci serta dapat diukur. Ia merupakan satu natijah atau hasil daripada pendedahan kepada para pelajar terhadap sesuatu program sekolah atau sistem sekolah itu sendiri.

Berkaitan dengan objektif pengajaran pula, ia ditakrifkan oleh Oliva (2005) sebagai :

“statement of performance to be demonstrated by each student in the class.”

Ia merupakan pernyataan tentang keupayaan yang akan ditunjukkan oleh setiap pelajar di dalam kelas apabila selesai satu sesi pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Mok Soon Sang (2002), objektif pengajaran boleh dianggap sebagai hasil perlakuan murid-murid setelah mereka didedahkan kepada suatu proses pengajaran dan pembelajaran. Kebiasaannya objektif pengajaran merangkumi aspek-aspek yang merujuk kepada sesuatu kurikulum, misalnya KBSM atau KBSR. Di samping itu, ia juga mengandungi aspek-aspek yang membolehkan guru menilai pencapaian murid dari segi aktiviti pembelajaran dan pencapaian murid serta pencapaian guru dari segi aktiviti pengajaran.

Dengan kata lain objektif kurikulum berkait rapat dengan objektif pengajaran. Objektif pengajaran merupakan terbitan dari objektif kurikulum. Objektif kurikulum adalah secara umum, manakala objektif pengajaran lebih khusus.

Bagi lebih memahami kaitan antara objektif kurikulum dan objektif pengajaran, bolehlah diperhatikan contoh yang berikut :

1. *Matlamat : Para pelajar akan membina pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk kehidupan dalam masyarakat yang berteknologi.*
2. *Tujuan kurikulum : Para pelajar akan dapat mengetahui akan kesan komputer dalam kehidupan.*
3. *Objektif Kurikulum : Di akhir tahun pengajian, sekurang-kurangnya 90 peratus pelajar telah mengambil kursus literasi komputer sama ada di sekolah atau di lain-lain tempat.*
4. *Tujuan Pengajaran : Para pelajar akan terbiasa dengan komputer peribadi.*
5. *Objektif Pengajaran : Para pelajar akan mempamerkan kemahiran menggunakan aplikasi 'Word' melalui tugas menggunakan komputer dengan menulis satu muka surat penuh dengan 90 peratus ketepatan.*

Sebagai contoh di dalam konteks bahasa arab di Malaysia, dinyatakan senarai objektif khusus bagi Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi di Malaysia sebagaimana yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran KBSM yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2003). Bagi Bahasa Arab Komunikasi, senarai objektif kurikulumnya adalah seperti berikut :

:

(1

.

(2

.

(3

(4

(5

(6

(3.000)

(7

(8

(9

(10

Objektif khusus kurikulum

1. Membiasakan diri mendengar ayat al-Quran dan al-Hadith yang terpilih dan memahami maknanya secara umum serta membicarakan tentangnya .
2. Membiasakan diri mendengar siaran bahasa Arab dan memahaminya serta membicarakan tentangnya.
3. Bertutur dengan fasih dan lancar serta berkemampuan mengeluarkan pendapat dan hujah-hujah dalam situasi-situasi tertentu.
4. Membaca pelbagai bahan bacaan serta berkemampuan menganalisa, menilai dan merumus serta membicarakan tentangnya .
5. Menulis pelbagai jenis penulisan dan membicarakan tentangnya .
6. Menguasai kemahiran menulis tiga bentuk khat Arab (*Nasakh*, *Raq'ah* dan *Thuluth*) mengikut kaedah-kaedah yang betul.
7. Menguasai sekurang-kurangnya 3,000 patah perkataan Arab.
8. Menguasai tatabahasa bahasa Arab yang mudah serta berkemampuan menggunakannya.
9. Berkemampuan menggunakan kamus bahasa Arab.
10. Membiasakan diri menggunakan teknologi maklumat terkini yang berkaitan dengan bahasa Arab.

Manakala bagi Bahasa Arab Tinggi pula, objektif kurikulumnya adalah seperti berikut:

(1

(2

(3

(4

(5

(6

(7

(8

(9

1. Mendengar ayat-ayat al-Quran al-Karim dan al-Hadith al-Syarif terpilih serta memahami maknanya.
2. Mendengar dan memahami dengan baik siaran dalam bahasa Arab.
3. Menggunakan bahasa Arab secara meluas dalam pelbagai bidang.
4. Bertutur bahasa Arab dengan meluas dalam semua situasi.
5. Menguasai tatabahasa dan Retorika yang mudah serta mampu menggunakannya.
6. Menikmati keindahan gaya bahasa teks-teks kesusasteraan Arab.
7. Menguasai sekurang-kurangnya 2,000 patah perkataan baru Arab.
8. berupaya menggunakan pelbagai kamus dan sumber rujukan Arab.
9. membiasakan diri menguasai dan menggunakan alat teknologi moden.

Bagi menyatakan contoh bagi objektif pengajaran pula, ia sepertimana yang terdapat pada hasil pelajaran yang didapati selepas berlakunya satu sesi pengajaran. Ini boleh didapati dari buku-buku teks Bahasa Arab Komunikasi itu sendiri. Berikut merupakan satu contoh yang diambil dari buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan 2 :

:

.1

.2

.1

.2

.3

.1

.2

Mengenal pasti pernyataan tujuan kurikulum mengikut tiga domain berkenaan beserta contoh berdasarkan mata pelajaran bahasa arab

Menurut Abdul Rahim M. Ali (2001) dalam konteks Malaysia, tujuan kurikulum berdasarkan KBSM adalah seperti berikut :

1. Menghasilkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI).
2. Membentuk insan yang berupaya berfikir secara logik, analitik, kreatif, inovatif serta mempunyai ilmu pengetahuan yang benar.
3. Memperkembangkan potensi atau bakat dan keupayaan bagi setiap individu.
4. Menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran supaya berlaku pembelajaran maksimum
5. Mempelajari nilai-nilai murni, berakhlak mulia dan progresif.
6. Menghasilkan rakyat Malaysia yang berilmu dan berketrampilan.
7. Melahirkan insan yang beragama, berjiwa mantap dan bersedia untuk berbakti.
8. Melahirkan individu yang memahami dan menghayati cara hidup demokrasi.

Penyataan tujuan kurikulum khususnya kurikulum bahasa arab boleh dilihat di dalam pernyataan sukatan pelajaran. Dalam konteks Malaysia ia terdapat dalam sukatan pelajaran KBSM Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan serta Bahasa Arab Tinggi yang dinyatakan sebagai الأهداف العامة seperti berikut :

الأهداف العامة

Pengajian bahasa Arab di sekolah menengah bermatlamat kepada membolehkan murid menguasai kemahiran-kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan memberi perhatian kepada kemahiran bertutur; menguasai perbendaharaan kata dan meningkatkan kepekaan mereka bagi menggunakannya dengan tepat serta meningkatkan penghayatan akhlak mulia dan nilai-nilai murni

Matlamat pengajian bahasa Arab di peringkat menengah atas memberi ruang untuk menghargai dan memartabatkan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran al-Karim dan bahasa ilmu untuk menguasai maklumat dan kemahiran berbahasa supaya dapat memahami teks dan bahan-bahan rujukan Arab dalam pelbagai situasi serta mampu menggunakannya dengan tepat di samping memperluaskan pengetahuan dan menikmati keindahan berbahasa.

Berdasarkan tujuan kurikulum yang dinyatakan di atas, bolehlah dibuat pembahagian terhadap ketiga-tiga domain pembelajaran seperti jadual di bawah :

Item	Domain
1. Menguasai kemahiran-kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis	Kognitif, Afektif & Psikomotor
2. Menguasai perbendaharaan kata	Kognitif
3. Meningkatkan kepekaan mereka bagi menggunakan perbendaharaan kata dengan tepat	Kognitif & Afektif
4. Meningkatkan penghayatan akhlak mulia dan nilai-nilai murni	Afektif & Psikomotor
5. Menghargai dan memartabatkan bahasa Arab	Afektif &

sebagai bahasa al-Quran al-Karim dan bahasa ilmu	Psikomotor
6. Menguasai maklumat dan kemahiran berbahasa	Kognitif, Afektif & Psikomotor
7. Memahami teks dan bahan-bahan rujukan Arab dalam pelbagai situasi serta mampu menggunakannya dengan tepat .	Kognitif, Afektif & Psikomotor
8. memperluaskan pengetahuan dan menikmati keindahan berbahasa.	Kognitif & Afektif

Jadual 1 : Domain Pembelajaran di dalam Tujuan Kurikulum

Mengenal pasti contoh pernyataan objektif kurikulum mengikut tiga domain berkenaan beserta contoh berdasarkan mata pelajaran bahasa arab

Menurut Mok Soon Sang (2002), Objektif kurikulum dalam konteks pendidikan di Malaysia adalah berteraskan objektif KBSM seperti berikut :

Objektif KBSM :

1. Membolehkan pelajar-pelajar menguasai kemahiran-kemahiran berinteraksi dalam semua situasi hidup serta memperkembangkan pemikiran dan penaakulan.
2. Memberi peluang untuk pelajar-pelajar memahami alam sosial dan fizikal supaya mereka dapat menikmati keadaan kehidupan dan nilai-nilai yang berkaitan serta membolehkan mereka menjadi anggota-anggota masyarakat yang berkesan dan bertanggungjawab.
3. Menekankan pembelajaran ke arah memahami diri, mengembangkan bakat, serta mempertingkatkan peribadi dan watak.
4. Mengambil kira asas pengetahuan, kemahiran, nilai, sikap perlakuan dan bentuk kebudayaan yang diperlukan oleh semua pelajar.
5. Memberi penekanan kepada kemahiran menyelesaikan masalah dalam semua aspek kehidupan.

6. Memberi imbalan di antara ilmu pengetahuan dengan unsur-unsur nilai, amalan dan rekreasi.
7. Memberi penekanan supaya akan terpelihara imbalan antara pelajaran dalam bilik darjah yang bercorak formal dengan pendidikan di luar bilik darjah yang bercorak tak formal.

Dalam konteks bahasa arab komunikasi di Malaysia, ketiga-tiga contoh domain bagi objektif kurikulum dapat diperhatikan seperti jadual di bawah :

Item	Domain
1. Mendengar dan membaca ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith yang terpilih dan memahami makna secara umum serta membicarakan tentangnya.	Kognitif
2. Bertutur dengan fasih dan lancar serta berkemampuan mengeluarkan pendapat dan hujah dalam situasi tertentu.	Afektif
3. Membaca pelbagai bahan bacaan dan merumus isi-isi penting serta membicarakan tentangnya.	Kognitif
4. Membolehkan murid menulis pelbagai jenis penulisan dan berbicara tentang isi kandungannya.	Afektif
5. Menguasai kemahiran menulis teks bentuk khat arab (naskhah dan rak`at) mengikut kaedah yang betul	Psikomotor
6. Menguasai sekurang-kurangnya 3000 patah perkataan arab dan menggunakannya ketika bertutur, membaca dan menulis.	Kognitif
7. Menguasai tatabahasa arab yang mudah serta berkemampuan menggunakannya secara praktikal.	Kognitif
8. Menggunakan kamus bahasa arab untuk meningkatkan perbendaharaan kata.	Kognitif
9. Membiasakan diri menggunakan teknologi maklumat terkini yang berkaitan dengan bahasa arab.	Kognitif dan psikomotor

Mengenal pasti pernyataan tujuan pengajaran mengikut tiga domain berkenaan beserta contoh berdasarkan mata pelajaran bahasa arab.

Tujuan pengajaran mengikut tiga domain pembelajaran boleh diperhatikan melalui kandungan kurikulum bahasa arab di Malaysia. Di dalam kandungan kurikulum Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan 1 – 3, terdapat komponen-komponen berikut :

1. Kemahiran Berbahasa yang terdiri daripada 4 kemahiran iaitu kemahiran Mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.
2. Sistem bunyi atau sistem fonetik
3. Sistem tatabahasa
4. Perumpamaan dan Kata-kata hikmat
5. Perbendaharaan kata

Berikut dinyatakan contoh-contoh tujuan pengajaran mengikut tiga domain pembelajaran berdasarkan mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan 1

Komponen	Domain
(1 ● ● ●	Kognitif Kognitif, afektif & psikomotor Kognitif & Afektif

<ul style="list-style-type: none"> • 	Kognitif, afektif & psikomotor
<p>(2)</p> <ul style="list-style-type: none"> • • • 	<p>Kognitif & Afektif</p> <p>Kognitif & Afektif</p> <p>Kognitif & Afektif</p>
<p>(3)</p> <ul style="list-style-type: none"> • • 	Kognitif
<p>(4)</p> <ul style="list-style-type: none"> • 	Kognitif, Afektif &

<p>•</p> <p>•</p> <p>•</p>	<p>Psikomotor</p> <p>• Kognitif & Afektif</p> <p>• Kognitif, Afektif & Psikomotor</p>
<p>() (5)</p> <p>• :</p> <p>•</p> <p>•</p>	<p>• Kognitif</p> <p>• Kognitif</p> <p>• Kognitif, afektif & psikomotor</p>
<p>• :</p> <p>•</p> <p>•</p> <p>•</p>	<p>(6)</p> <p>• Kognitif & psikomotor</p> <p>• Kognitif</p> <p>• Kognitif</p> <p>• Kognitif & Psikomotor</p>

.	● Kognitif & Psikomotor
.	● Afektif & psikomotor

Bibliografi

Abdul Rahim M. Ali. 2001. *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur

Jack C. Richards. 2001. *Curriculum Development in Language Teaching*. Cambridge University Press, United Kingdom.

JAPIM, Kementerian Pelajaran Malaysia. 2002. Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam & Moral, JAPIM, KPM.

Kamarudin Hj. Husin. 1998. *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. , Selangor

Louis Cohen & Lawrence Manion. 1989. *Panduan Latihan Mengajar Edisi Kedua* (terjemahan Mohd. Noh. Bidin). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Mok Soon Sang. 2002. *Pedagogi Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 1*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Subang Jaya

Mok Soon Sang. 2002. *Pedagogi Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 3*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Subang Jaya

Peter F Oliva. 2005. *Developing the Curriculum*. Pearson Education. USA

Peter F. Olivia. 2005. *Developing the Curriculum*. Pearson Education. USA

Ralph W. Tyler. *The Curriculum – Then and Now, in Proceedings of the 1956 Invitational Conference on Testing Problems* (Princeton, N.J. : Educational Testing Service, 1957), 79 quoted in Daniel Tanner and L.N. Tanner, *Curriculum Development Theory into Practice* (New York : Macmillan Publishing Co, 1980)